

Taqlid

Antara tiga golongan manusia yang tidak boleh tidak harus kita sangsikan:

- (1) para ustaz/ustazah
- (2) para pegawai polis
- (3) para wartawan

[i] USTAZ

- (1) kerana yang sungguh-sungguh mengajar pengikutnya mengebom orang lain itu jihad
- (2) kerana beristeri 10 dan merogol anak-anaknya itu halal mengikut Al Quran
- (3) kerana mencabul kehormatan muridnya yang kemudian diancam akan malu sendiri kalau buat aduan
- (4) kerana hanya dia yang dapat menghalalkan segala yang khurafat dan dipercaya nenek moyang kita zaman animisme
- (5) kerana bila bergelar ustaz, segala ungkapannya jadi mukjizat dan tak boleh dipersoal

TAPI: senang cakap, ustaz bukan malaikat

[ii] POLIS

- (1) kerana bila berpakaian seragam, mereka polis dan yang lain, anjing
- (2) kerana bila berpakaian seragam, tindak tanduk mereka tak boleh dipertikai
- (3) kerana bila berpakaian seragam, tiba-tiba hak mereka jadi mutlak
- (4) kerana bila pakaian seragam itu lucut, keberanian juga turut kecut
- (5) kerana undang-undang yang mereka tegakkan boleh dilentur hanya bila yang salah itu adalah mereka sendiri

TAPI: senang cakap, polis bukan undang-undang

[ini baru pasal polis singapura, polis malaysia lebih banyak cerita (yang yusof haslam buat, banyak bohongnya) pasal mereka kerja bukan untuk makan gaji, mereka lebih kenyang dengan makan rasuah]

[iii] WARTAWAN

- (1) kerana ada yang hanya sekadar tukang lapor yang biadap
- (2) kerana 'kebenaran' mereka adalah kebenaran pemerintah
- (3) kerana mereka menulis 'bukan kerana nama', tapi kerana dibayar gaji
- (4) kerana bila diberitahu 'off record' itulah yang mereka laporkan
- (5) kerana mereka bermula sebagai penulis, kemudian ketua bahagian, kemudian editor, kemudian ketua editor, kemudian jadi anggota parlimen

TAPI: senang cakap, wartawan sama macam penulis fiksyen

Azizah & Rafaat

TUESDAY, JUNE 26, 2007